

13 SEP 2002

Mahathir-Sebab/I

DR MAHATHIR JELASKAN SEBAB TIDAK MAHU BERTANDING PILIHAN RAYA

BUKIT KAYU HITAM, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hasrat beliau untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang adalah kerana beliau mahu bersara dengan "bersih".

"Saya mahu bersara dengan bersih dan tidak terlibat dalam apa-apa pun selepas persaraan saya," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau belum memaklumkan hasratnya itu kepada Majlis Tertinggi Umno.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan kilang Asian Composite Manufacturing Sdn Bhd di sini.

"Majlis Tertinggi (anggota) adakalanya perlu mengundurkan diri. Saya tidak boleh terus di sini selamanya," katanya.

Perdana Menteri berkata peranannya ialah untuk terus berkempen "bersungguh-sungguh" bagi Barisan Nasional (BN) di seluruh negara pada pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir yang telah menjadi Anggota Parlimen bagi Kubang Pasu sejak 1974, mengumumkan bahawa beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang pada satu majlis di Alor Setar awal hari ini.

Perdana Menteri turut diminta mengulas mengenai laporan polis yang dibuat pada Rabu oleh anggota Puteri Umno Elly alias Zalilah Yusof terhadap Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said atas dakwaan penyelewengan dan salah pengurusan harta dan dana pergerakan itu.

Berhubung perkara itu, Dr Mahathir berkata anggota-anggota Umno sepatutnya merujuk sebarang aduan kepada Jawatankuasa Pengurusan parti daripada membuat laporan polis.

"Saya fikir Puteri Umno (anggota) masih tidak faham akan perkara ini. Mereka sentiasa boleh merujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan supaya jawatankuasa boleh menyalut apa jua aduan yang mereka terima termasuk penyelewengan dalam parti," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno sendiri tidak mahu orang yang menyalahgunakan dana untuk menjadi pemimpin dalam parti.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata beliau tidak percaya bahawa PAS semakin kuat di Kedah.

"Mereka menang pilihan raya kecil kerana mereka telah menipu dengan memindahkan pengundi dari kawasan lain ke kawasan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit.

"...Jika anda tolak 2,000 pengundi yang mereka pindahkan ke kawasan Anak Bukit, pasti Barisan Nasional yang menang pilihan raya kecil itu," katanya.

Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Anak Bukit dan Parlimen Pendang di Kedah diadakan pada Julai ekoran kematian Presiden PAS Datuk Fadzil Noor, yang memegang kedua-dua kerusi itu.

BN menang kerusi Pendang dengan majoriti 283 undi tetapi tewas di Anak Bukit dengan 508 undi.

Dr Mahathir juga berkata pendaftaran pengundi yang tidak tepat yang antara lain membolehkan pemilih mengundi di kawasan lain dan bukan kawasan tempat tinggal mereka, perlu diperbetulkan.

"Ada orang campur tangan dalam proses pendaftaran pengundi," katanya.

-- BERNAMA

JM MAM RHM